



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Pensyarah Sambilan (Sepenuh Masa)** di Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.

JAWATAN AKADEMIK			
FAKULTI	BIDANG	JADUAL GAJI	
		SARJANA MUDA	SARJANA/ DOKTOR FALSAFAH
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA	BAHASA INGGERIS	RM 2,300.00	RM 2,800.00
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI	PENGAJIAN ISLAM	RM 2,300.00	RM 2,800.00
FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI	PENTADBIRAN AWAM	RM 2,300.00	RM 2,800.00
FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN	PENGURUSAN	RM 2,300.00	RM 2,800.00
	KEWANGAN	RM 2,300.00	RM 2,800.00
	PENGURUSAN SISTEM PEJABAT	RM 2,300.00	RM 2,800.00
FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK	MATEMATIK	RM 2,300.00	RM 2,800.00

SYARAT DAN KRITERIA PEMILIHAN

- a. Mempunyai syarat asas pelantikan Gred DS9 untuk pengajaran peringkat Diploma dan Gred DS11 untuk pengajaran peringkat ijazah seperti berikut :
 - i. Memiliki Ijazah Sarjana Muda / Sarjana / PhD dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Universiti dan;
 - ii. Memiliki PNGK 3.0 ke atas atau Kelas Kedua Tinggi bagi tahap kelayakan (Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana) yang diperlukan untuk peringkat pengajaran (Diploma / Ijazah Sarjana Muda) dan;
 - iii. Mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM atau setaraf dan;
 - iv. Menguasai Bahasa Inggeris (lisan dan tulisan) dengan baik.
- b. Telah tamat pengajian sepenuhnya (sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda / Sarjana) dan telah selesai menghadiri konvokesyen.
- c. Mempunyai pengalaman mengajar dan kemahiran menggunakan teknologi bagi tujuan pengajaran merupakan satu kelebihan.
- d. Mempunyai rekod peribadi yang baik (Contoh : Calon yang pernah dibuang kerja atas sebab tatatertib tidak boleh dipertimbangkan).

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, Doktor Falsafah (Ph.D) (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik

*Sila kemukakan **DOKUMEN** melalui link seperti berikut :
<https://forms.gle/SngZBHBkHMXf38J2A>
2. Pemohon – pemohon berkeelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki **CGPA 3.00 ke atas / Kelas Kedua Tinggi /Mumtaz/ Jayyid Jiddan** atau yang setaraf di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana.
3. Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)
4. Borang / dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur** tidak akan diproses.
5. **Hanya pemohon – pemohon yang layak dan disenarai pendek** akan dipanggil untuk temu duga.
6. Pemohon – pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon – pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakukan oleh SENAT.

PERMOHONAN

Pemohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari **laman sesawang UiTM Cawangan Kelantan** di
<https://kelantan.uitm.edu.my>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **21 SEPTEMBER 2025 (AHAD)**.

Sila kemukakan salinan permohonan (PDF) melalui link seperti berikut :

<https://forms.gle/SngZBHBkHMXf38J2A>



Sebarang pertanyaan boleh merujuk kepada
No. Tel : 09-9762012 (*whatsapp business*)